
POLISI DIVIDEN



Kumpulan
Hartanah Selangor
Berhad
(200101023989/559747-W)

Jabatan Setiausaha Syarikat & Governans

Edisi Pertama (2022)

Diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 18 Oktober 2022

KANDUNGAN

<u>Bil</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Muka Surat</u>
1.	PENGENALAN	3
2.	OBJEKTIF	3
3.	PEMATUHAN AKTA SYARIKAT 2016	3
4.	SKOP	4
5.	PENGISYTIHARAN DIVIDEN	4 - 5
6.	POLISI DIVIDEN	5
7.	KEPERLUAN UNTUK PELAPORAN DIVIDEN	5
8.	PROSEDUR PENGISYTIHARAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN	6
9.	KELULUSAN DAN KEMASKINI POLISI	6

POLISI DIVIDEN

1. PENGENALAN

- 1.1 Dividen ialah bahagian keuntungan yang diagihkan kepada pemegang saham dalam syarikat dan pulangan yang diterima oleh pemegang saham untuk pelaburan di dalam syarikat. Pengurusan Syarikat mesti menggunakan keuntungan untuk memenuhi permintaan pelbagai pihak berkepentingan. Walau bagaimanapun, pelbagai faktor perlu diambil kira semasa membuat keputusan untuk pengisytiharan dividen seperti kedudukan kewangan syarikat, prospek pertumbuhan dan pelaburan masa hadapan.
- 1.2 Oleh yang demikian, Polisi Dividen ini disediakan sebagai garis panduan dalam pengisytiharan dividen bagi mencerminkan kedudukan kewangan, prestasi operasi dan pelaburan masa hadapan Syarikat dan mewujudkan pulangan yang lestari dan stabil kepada para pemegang saham.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Polisi Dividen ini digunakan sebagai garis panduan dalam pengisytiharan dividen bagi anak-anak Syarikat di bawah kumpulan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (“KHSB” atau “Syarikat”) untuk mencapai objektif berikut :
- (i) Memaksimumkan nilai pelaburan pemegang saham.
 - (ii) Mewujudkan pulangan dividen yang lestari dan stabil kepada KHSB dan Kerajaan Negeri Selangor.
 - (iii) Menyokong pelaksanaan inisiatif sosial/kebijakan dan mendokong agenda Kerajaan Negeri Selangor.

3. PEMATUHAN AKTA SYARIKAT 2016

Polisi Dividen ini adalah tertakluk kepada pematuhan Seksyen 131 dan Seksyen 132, Akta Syarikat 2016 seperti berikut :

- 3.1 Seksyen 131 : Pengagihan daripada keuntungan
- (i) Tertakuk kepada Seksyen 132 Akta Syarikat 2016, sesuatu syarikat hanya boleh membuat pengagihan kepada pemegang saham daripada keuntungan yang ada bagi syarikat itu jika syarikat itu menjadi *solven*.
- 3.2 Seksyen 132 : Pengagihan hanya jika syarikat *solven*
- (i) Sebelum sesuatu pengagihan dibuat oleh syarikat kepada mana-mana pemegang saham, pengagihan itu hendaklah dibenarkan oleh pengarah syarikat.
 - (ii) Bagi maksud seksyen ini, syarikat dianggap sebagai *solven* jika syarikat itu berupaya untuk membayar hutangnya jika dan apabila hutang itu menjadi kena dibayar dalam masa dua belas (12) bulan selepas pengisytiharan.

4. SKOP

- 4.1 Polisi Dividen ini diterima pakai (*adopted*) oleh semua anak-anak syarikat di bawah Kumpulan KHSB.
- 4.2 Anak-anak Syarikat di bawah Kumpulan KHSB boleh menetapkan prosedur berkaitan yang saling melengkapi dan memastikan ianya tidak bercanggah dengan peruntukan di dalam Polisi Dividen ini.
- 4.3 KHSB hendaklah dirujuk untuk mendapatkan kebenaran sekiranya terdapat keperluan untuk menyediakan sebarang prosedur tambahan. Prosedur-prosedur ini perlu diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (“KPE”) Syarikat mengikut Polisi Penurunan Kuasa/Had Kuasa Kewangan (“*Delegation of Authority/Financial Authority Limit*” atau “DOA/FAL”) masing-masing.
- 4.4 Pengurusan Syarikat harus memastikan Polisi Dividen diperingkat Syarikat adalah selaras dengan Polisi Dividen ini dan memastikan kaedah-kaedah dividen Syarikat tidak bercanggah dengan Polisi Dividen ini dan Akta Syarikat 2016.
- 4.5 Dokumen Polisi Dividen ini merangkumi perkara-perkara seperti berikut :
 - (i) Pengisytiharan dan pembayaran dividen.
 - (ii) Keperluan untuk menyatakan jumlah dividen.
 - (iii) Prosedur pengisytiharan dan pembayaran dividen.

5. PENGISYTIHARAN DIVIDEN

- 5.1 Terdapat dua (2) jenis pembayaran dividen iaitu :
 - (i) Dividen Interim (*Interim Dividend*) : Diisytihar dan dibayar sepanjang tahun.
 - (ii) Dividen Akhir (*Final Dividend*) : Diisytiharkan pada Mesyuarat Agung Tahunan (“MAT”) Syarikat dan diagihkan selepasnya.
- 5.2 Dividen yang diisytiharkan mestilah mematuhi Akta Syarikat 2016 dan/atau pengawalseliaan tempatan (*local authority*) bagi anak syarikat dan usaha sama yang bukan dari Malaysia.
- 5.3 Cadangan penetapan kadar dividen dari semua Syarikat memerlukan pengesyoran daripada KPE Syarikat berdasarkan kepada syor/cadangan daripada Ketua Unit Kewangan (“KUK”) Syarikat setelah mendapat pengesahan daripada KHSB.
- 5.4 Kelulusan bagi kadar dividen adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Ahli Lembaga Pengarah (“ALP”) Syarikat selaras dengan Akta Syarikat 2016.
- 5.5 Setiausaha Syarikat hendaklah dirujuk untuk menentukan tarikh pembayaran dividen.
- 5.6 Dividen interim perlu mendapat kelulusan ALP Syarikat tertakluk kepada Akta Syarikat 2016 dan Perlembagaan Syarikat.
- 5.7 Kelulusan daripada pemegang saham perlu diperolehi bagi pengisytiharan Dividen Akhir. Dividen yang diluluskan oleh pemegang saham hendaklah selaras dengan jumlah yang dicadangkan oleh ALP Syarikat.

- 5.8 Sekiranya Syarikat mempunyai kelas saham keutamaan, keputusan untuk mengisytiharkan dividen hendaklah dibuat berdasarkan kepada Perlembagaan Syarikat.
- 5.9 Pengisytiharan dividen pada saham biasa perlu mengambil kira kelas saham keutamaan (*preference shares*), sekiranya ada, dan pembayaran hanya boleh dibuat setelah kesemua kelas saham keutamaan dibayar sepenuhnya.
- 5.10 Setiausaha Syarikat perlu melakukan perkara berikut setelah pengumuman dividen akhir di MAT selaras dengan jadual had pembayaran :
- (i) Tarikh pembayaran perlu ditetapkan dalam tempoh 30 hari selepas tarikh tutup buku (*book closure*).
 - (ii) Pembayaran dividen perlu dilakukan dalam tempoh 90 hari dari tarikh MAT.

6. POLISI DIVIDEN

- 6.1 KPE Syarikat bertanggungjawab untuk mengesyorkan kadar dividen tahunan yang dicadangkan kepada ALP Syarikat untuk kelulusan setelah mendapat pengesahan daripada KHSB.
- 6.2 Kadar dividen yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya 50% daripada keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti yang disatukan (*consolidated PATAMI*) atau daripada pendapatan tertahan (*retained earnings*) yang positif tertakluk kepada Akta Syarikat 2016.
- 6.3 Pengisytiharan dan pembayaran dividen tahunan anak-anak Syarikat Kumpulan KHSB akan menggantikan semua bentuk sumbangan lain kepada Kerajaan Negeri Selangor berkuatkuasa pada tarikh kelulusan Polisi Dividen ini.
- 6.4 Sebarang penyimpangan daripada Polisi Dividen ini akan dipertimbangkan dan ditangani berdasarkan kes demi kes dan harus mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada KHSB.

7. KEPERLUAN UNTUK PELAPORAN DIVIDEN

Anak-anak Syarikat di bawah Kumpulan KHSB adalah dikehendaki mematuhi *Malaysian Financial Reporting Standard* ("MFRS") 110 : *Events after Balance Sheet Date when Accounting for Dividends* atau mana-mana standard pelaporan yang berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

8. PROSEDUR PENGISYTIHARAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN

No.	Prosedur	Pemilik Proses	Meluluskan
1.	<p>Unit Kewangan Syarikat akan menyediakan Kertas Kerja ALP Syarikat, setelah mendapat pengesahan daripada MBI, yang mengandungi :</p> <p>(a) <i>Retained earnings</i>. (b) <i>Distributable reserves</i>. (c) Anggaran pembayaran dividen yang dicadangkan berdasarkan <i>retained earnings and distributable reserves</i>. (d) Cadangan pembayaran dividen. (e) Tarikh tutup buku (<i>book closure date</i>).</p>	Unit Kewangan Syarikat dan semakan oleh KUK	KPE Syarikat
2.	<p>KUK Syarikat akan membentangkan Kertas Kerja ALP Syarikat kepada ALP Syarikat bagi mendapatkan kelulusan.</p> <p>Setiausaha Syarikat akan mengesahkan kelulusan yang akan diberikan oleh ALP Syarikat tentang perkara berikut adalah tepat dan muktamad :</p> <p>(a) Kadar dividen yang diisytiharkan. (b) Tarikh pengumuman dividen. (c) Tarikh tutup buku (<i>book closure date</i>) (d) Tarikh pembayaran dividen.</p>	KUK Syarikat dan Setiausaha Syarikat	ALP Syarikat
3.	Syarikat akan menghantar satu surat rasmi kepada KPE MBI, bagi memaklumkan jumlah pembayaran dividen yang diluluskan oleh ALP Syarikat.	Setiausaha Syarikat	KPE Syarikat

9. KELULUSAN DAN KEMASKINI POLISI

Polisi Dividen ini akan disemak setiap tiga (3) tahun dan ALP KHSB berhak untuk mengkaji, mengubah, meminda, mengemaskini dan/atau membatalkan Polisi Dividen ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak.

Sebarang perubahan atau penyemakan semula pada Polisi Dividen ini akan dimaklumkan kepada semua anak-anak Syarikat di bawah Kumpulan KHSB.